

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROFESOR DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**

**NAIB CANSOLOR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**MAJLIS JASAMU DIKENANG 2022**

**9 OKTOBER 2023**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

- **YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr Raduan Che Rose,**
- **Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknologi MARA**
- **Yang Berbahagia Dato' Dr. Adnan Alias**
- **Yang Berbahagia Datuk Ariff Farhan Doss**  
Ahli Lembaga Pengarah Universiti Teknologi MARA
- **Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor**  
Naib Canselor Universiti Teknologi MARA
- **Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Sazili Shahibi**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- **Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Norazah Abd Rahman**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- **Yang Berbahagia Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin**  
Pendaftar UiTM
- **Yang Berbahagia Encik Wan Hasmadi Wan Mohamed**

## Bendahari UiTM

- Barisan Pengurusan Kanan Universiti Teknologi MARA
- Yang diraikan bakal pesara dan pesara Universiti Teknologi MARA
- Penerima-penerima khidmat bakti 25 tahun dan 30 tahun; serta
- Semua warga Universiti Teknologi MARA yang dikasihi sekalian.

[Salutasi - Kemas kini berdasarkan kehadiran]

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul di dalam Majlis Jasamu Dikenang 2022. Selama dua tahun majlis ini hanya dapat dilaksanakan di peringkat PTJ atas dasar pematuhan kepada beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan.

2. Alhamdulillah, seramai 476 orang yang kita raikan pada hari ini adalah sebahagian daripada warga yang telah menabur bakti, sehingga UiTM berjaya berdiri megah di mata dunia.

3. Penghargaan pada hari ini juga diberikan kepada 221 orang pesara dan bakal pesara, 147 orang penerima Anugerah Khidmat Setia 25 tahun dan 108 orang penerima Anugerah Khidmat Setia 30 tahun.

4. Saya mewakili pengurusan UiTM, merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga atas sumbangan dan dedikasi yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan di UiTM. Segala usaha, kudrat dan pengorbanan yang telah disumbangkan secara

langsung dan tidak langsung telah membantu dalam kelestarian universiti ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

5. Pihak pengurusan UiTM amat menghargai usaha dan sumbangan bakti pesara dan bakal pesara sehingga ke akhir perkhidmatan dalam meletakkan UiTM ke tahap yang membanggakan. Kesetiaan dan komitmen yang telah diberikan tiada tolok bandingnya kepada UiTM dalam melaksanakan tanggungjawab serta memacu masa depan generasi bumiputera yang cemerlang.

6. Kepada warga khidmat setia, sekalung penghargaan diberikan di atas sumbangan dalam perkhidmatan. Teruskan berbakti dan bersama kita mengamalkan nilai-nilai kolektif Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti dalam menjadikan UiTM sebagai Universiti

yang dikenali dunia. Komitmen kalian pastinya akan menjadi inspirasi kepada semua.

7. Buat para staf yang diraikan, saya berharap, kecemerlangan ini dapat dipupuk dalam kalangan generasi baharu UiTM agar dapat terus memberi perkhidmatan yang terbaik kepada universiti dan menyumbangkan kepakaran masing-masing demi masa bangsa dan negara.

8. Sumbangan dan usaha yang telah diberikan pastinya akan terus dikenang sehingga ke akhir hayat. Semoga tuan puan terus dikurniakan kesihatan yang baik serta rezeki yang berpanangan.

9. Syabas dan terima kasih juga saya ucapkan kepada Pejabat Pendaftar, selaku penganjur utama MJD bersama rakan strategik daripada Jabatan Komunikasi. Turut berkerjasama Pejabat Bendahari, Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur, Polis Bantuan, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Akademi Pengajian Islam Kontemporari dan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media yang mana selama beberapa bulan ini bertungkus lumus dalam memastikan majlis ini berjalan lancar.

**Sekian,**

**Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum  
warahmatullah hiwabarakatuh.**